

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	14/4/2019	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Mohd Janatul Anbia Md Denin
am@metro.com.my

Kuala Lumpur

Jadikan perkhidmatan bas ekspres sebagai 'selamat' untuk membawa burung hantu yang ditangkap secara haram sebelum dijual kepada pembeli.

Itu tindakan dua lelaki tempatan dipercayai dalam sindiket yang menjalankan kegiatan menjual hidupan liar dilindungi di ibu kota. Bagaimanapun, kegiatan itu berjaya dibongkar selepas sepasukan pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) menahan bas ekspres dinaiki suspek, kelmarin.

Operasi dilakukan PERHILITAN Daerah Kuala Krai dengan bantuan Polis Diraja Malaysia (PPRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di Stesen Timbang Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Laloh, Kuala Krai, jam 11.45 malam.

Ketua Pengarah PERHILITAN Semenanjung Malaysia Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, hasil pemeriksaan terhadap sebuah bas ekspres menemui kotak berisi dua ekor burung hantu di dalamnya.

Katanya, susunan penemuan burung hantu itu, PERHILITAN menahan dua lelaki tempatan yang menaiki bas ekspres berkenaan.

"Kedua-dua lelaki berusia 30-an itu diarah selepas didapati tidak memiliki dokumen sah daripada PERHILITAN bagi tujuan membawa dan menyimpan hidupan liar

EKSPRES 'HANTU'

■ Dua ditahan cuba seludup spesies burung dilindungi dengan menaiki bas



BURUNG hantu yang berjaya dirampas pegawai PERHILITAN selepas menahan bas ekspres dinaiki suspek.



BURUNG hantu disembunyikan di dalam kotak (ditarik bulatan).

dilindungi berkenaan.

"Siasatan awal mendapati burung hantu yang dijual ribuan ringgit setiap ekor itu mahu dihantar dan diserahkan kepada pelanggan yang membuat tempahan," katanya.

Abdul Kadir berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 68, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (AKTA 716) di mana sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Menurutnya, modus operandi semipama itu pernah dibongkar sebelum ini apabila lima kura-kura 'Bintang Burma' bernilai kira-kira RM45,000 yang diseludup melalui bas ekspres, ditampas Agensi Kawalan Semipadan (AKSEM) Kelantan di Bukit Bunga, Kota Bharu, awal Januari lalu.

Dalam operasi bermula jam 10 malam itu, pihak penguat kuasa merampas reptilia yang disembunyikan di dalam kotak linau mandarin.

Kotak itu kemudian disorok pula di tempat simpanan barang dalam bas ekspres berkenaan.

Dalam kes berasingan, PERHILITAN turut mengagalkan usaha menyeludup 247 burung murai batu di ekspres di Kilometer 32.8 Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan berhampiran Hentian Kutai, Johor, Mac lalu.